

Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Insiden bunyi hon dan pergaduhan di hadapan Surau Austin Perdana, Johor Bahru, baru-baru ini sewajarnya membuka mata anggota masyarakat betapa sikap toleransi dalam kalangan rakyat berbilang agama dan bangsa di negara ini semakin merisaukan. Walaupun kes ini dapat diselesaikan dengan baik apabila pemandu kereta terbabit tampil memohon maaf secara terbuka kepada seluruh masyarakat Islam, namun persoalannya ialah sejauh mana anggota masyarakat kita masih berpegang teguh kepada sikap toleransi dan semangat perpaduan yang kita banggakan selama ini.

Ironinya, ini bukan kali pertama insiden seperti ini berlaku dalam masyarakat kita. Senario pada hari ini menunjukkan betapa sedikit saja provokasi sudah memadai untuk mencetuskan pergaduhan mahupun perbalahan dalam kalangan anggota masyarakat. Keadaan menjadi lebih parah dan mencemaskan apabila ia membabitkan isu sensitif seperti agama dan bangsa. Malah, ingatan kita juga masih segar betapa telefon bimbit boleh mencetuskan pergaduhan seperti yang berlaku di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur tempoh hari.

Justeru, penulis tertanya-tanya apakah pada usia menjelang 60 tahun kemerdekaan perkara seperti ini wajar berlaku? Bukankah kita patut lebih matang, saling memahami, saling menghormati, lebih bertolak ansur dan bertoleransi sebagai sebuah masyarakat majmuk. Ternyata kejadian seperti ini membuatkan kita tertanya-tanya apakah masyarakat kita terutama generasi muda dan pasca merdeka benar-benar memahami erti toleransi dan perpaduan kaum. Insiden seperti ini tidak mungkin berlaku andai masing-masing boleh bersikap memahami, bertolak ansur dan bertoleransi.

Hakikatnya asas kemerdekaan dan pembinaan negara ini ialah berpaksikan semangat perpaduan dan sikap toleransi yang tinggi dalam kalangan pejuang

kemerdekaan yang sanggup berkorban apa saja dan buang jauh-jauh sikap mementingkan diri dan kaum masing-masing semata-mata mahu melihat bumi bertuah ini mencapai kemerdekaan daripada penjajah. Ternyata generasi dahulu cukup insaf dan sedar keperitan bumi ini dijajah secara bergilir-gilir dengan rakus lebih 400 tahun. Jadi di mana tahap kesedaran dan keinsafan dalam kalangan generasi pasca merdeka yang hanya membaca dalam buku sejarah mengenai penjajahan dan kemerdekaan negara.

Kita khuatir jika keadaan begini terus berlaku apabila masing-masing mudah melenting, tidak mampu bertolak ansur dan bertoleransi di samping ada pula pihak yang sengaja bermain api dengan menyentuh isu sensitif, tidak mustahil negara ini kembali huru-hara dan dijajah. Apakah kita lupa peristiwa hitam yang berlaku pada 13 Mei 1969? Semua pihak wajar ambil iktibar daripada peristiwa hitam itu dan perlu memastikan ia tidak lagi berulang. Dalam konteks ini kita perlu berlapang dada dan menerima kenyataan bahawa bumi mana tak ditimpa hujan ataupun sedangkan lidah lagi tergigit inikan pula masyarakat berbilang agama dan bangsa. Kita sememangnya sentiasa terdedah dengan insiden seperti ini dan apa yang penting ialah usaha ke arah memperkasa sikap toleransi dan semangat perpaduan perlu terus diperkasakan secara konsisten.

Sudah tiba masanya untuk kita kembali menghayati semangat perpaduan dan sikap toleransi yang diwariskan kepada kita oleh generasi tedahulu. Ringkasnya perkara ini perlu diperkasakan semula sebelum semua pihak semakin mudah hilang pertimbangan. Toleransi adalah sikap yang perlu dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat kita. Dan perlu diingat sikap tidak boleh diubah mahupun dipupuk dalam sekelip mata kerana kebiasaannya sebatan sejak kita dilahirkan kerana dipengaruhi pelbagai faktor persekitaran dalam kita meningkat dewasa.

Justeru bak kata pepatah melentur buluh biar daripada rebungunya, kita perlu fokus kepada generasi muda yang masih berpeluang untuk dilentur dan dibentuk mengikut acuan yang kita



## Toleransi kita semakin rapuh?



kehendaki. Secara spesifiknya anak-anak kita dibangku sekolah wajar dijadikan kumpulan sasaran yang perlu dipupuk sikap toleransi supaya sikap itu terus sebatan dalam diri mereka. Pihak kerajaan perlu mengambil serius isu ini kerana kita tidak mahu pelbagai insiden hitam

seperti ini terus menghantui masyarakat sekali gus mengganggu gugat jambatan perpaduan yang dibina dan dipertahankan selama ini.

Dalam konteks ini pihak kerajaan perlu memastikan ada ruang yang secukupnya untuk anak-anak kita memahami erti dan keperluan sikap toleransi

dalam kehidupan harian masyarakat majmuk di negara ini. Ternyata membaca buku semata-mata belum mampu menyuntik semangat perpaduan dan sikap toleransi dalam diri anak-anak kita. Oleh itu, kita perlu memikirkan kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih

realistik dan praktikal supaya anak-anak dapat memahami, menjiwai, menghayati dan mempraktikkan nilai dan sikap toleransi yang kita harapkan. Percayalah masa depan negara ini banyak bergantung harap kepada golongan muda hari ini. Maka selaras dengan misi Transformasi Nasional 2050

(TN50) kita perlu memastikan supaya dapat melahirkan generasi masa depan yang berjiwa kental, tinggi semangat perpaduan dan sikap toleransinya.

Dalam pada itu kita juga berharap anggota masyarakat akan lebih berhati-hati. Jangan sesekali mencetuskan provokasi atau melakukan tindakan yang boleh menggugat semangat perpaduan serta menguji tahap kesabaran orang lain. Tindak tanduk seperti ini jelas tidak sihat untuk negara majmuk seperti kita. Sepatutnya pada ketika ini kita lebih banyak menumpukan perhatian dan usaha untuk memacu kegemilangan negara bangsa menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dan bukan lagi terpaksa bergelut dengan isu konflik dalam seperti ini.

Jadi marilah kita ambil iktibar dan segera menginsafi beberapa insiden yang berlaku supaya lebih berhati-hati dan tidak menghancurkan perpaduan dan keamanan yang ada. Untuk itu kita menyeru agar seluruh rakyat negara ini bertekad bagi memperkasakan semangat toleransi sesama kita dan buktikan kepada masyarakat dunia betapa kita masih sebuah negara berbilang bangsa yang hebat dan bersatu padu. Semoga Negaraku Malaysia terus aman dan makmur sentiasa.

Penulis Ketua  
Bahagian Hal Ehwal  
Putra Malaysia